

**MATA PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU (922)**  
**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 1992-1997:**  
**SATU PENILAIAN**

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat trend dan menilai mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dari tahun 1992-1997. Penilaian dibuat berdasarkan beberapa laporan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), maklum balas dan keputusan soal-selidik daripada guru dan pelajar, pendapat pensyarah, laporan prestasi calon, penilaian terhadap sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu (922), dan keputusan peperiksaan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) yang dikeluarkan oleh MPM. Analisis statistik prestasi calon dari tahun 1992-1997 tentang mata pelajaran ini dikemukakan berserta rumusan penilaiannya untuk tempoh 1992-1997. Laporan yang dikeluarkan oleh MPM ini dinilai dan dianalisis mengikut kertas-kertas yang ditawarkan. Bertolak dari situ penilaian terhadap respon calon pada setiap soalan mengikut kertas-kertas pilihan mereka dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) ini dapat dikenal pasti. Hasilnya dapat dikategorikan satu rumusan terhadap kekuatan dan kelemahan respon calon dalam menjawab pelbagai soalan peperiksaan yang telah dikemukakan bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922). Sebab-sebab respon calon yang sedemikian turut dibincang dan dinilai. Dari sini juga, satu rumusan penilaian tentang status mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) STPM tahun 1992-1997 dan prestasi calon dikemukakan sebagai cadangan dan maklum-balas untuk guru-guru dan juga pelajar-pelajar sendiri terhadap mata pelajaran ini. Syor dan langkah-langkah pembaik pulih daripada pakar-pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) STPM ini turut dimuatkan dengan hujah-hujah mereka yang relevan dan wawasan mereka terhadap masa hadapan mata pelajaran ini.

**MALAY LITERATURE SUBJECT (922)****SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA(STPM) 1992-1997:****AN EVALUATION****Abstract**

This study aims to look at trends and evaluate the Malay Literature subject (922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM) from the years 1992-1997. This evaluation is made based on reports from Majlis Peperiksaan Malaysia(MPM), feedback and results from questionnaires given to teachers and students, opinions of lecturers, candidates' performance reports, analysis of the Malay Literature syllabus (922) and Malay Literature examination results released by MPM. A statistical analysis of candidates' performance from the years 1992-1997 on this subject is presented together with a summary of the findings for the same period. The reports released by MPM are evaluated together with the papers offered. The reports also enhanced an evaluation of candidates' response to each question. The strengths and weaknesses of candidates' responses are categorised in a summary. Reasons for these responses by candidates are discussed and studied. In addition, a summary of findings on the status of Malay Literature from the years 1992-1997 are forwarded together with suggestions and feedback from teachers and students. Suggested remedial measures and recommendations from experts on Malay Literature(922) STPM are included encompassing their vision towards the future of this subject.